

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP**

SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA
--

TAWARAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN “<i>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)</i>” BAGI PERKHIDMATAN PENENTUSAHAN DI BAWAH AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972
--

PERINGATAN PENTING:

PEMOHON DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN INI

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA BAGI PERKHIDMATAN PENENTUSAHAN DI BAWAH AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972

LATAR BELAKANG

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah merupakan agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan semua fungsi pengawalseliaan, penyediaan perkhidmatan Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71] digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat dan bagi mengadakan peruntukan mengenai yang berkaitan dengannya.
2. Pada tahun 2002, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah membuat pindaan ke atas Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71] melalui Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002. Pindaan ini telah berkuat kuasa pada 4 April 2005.
3. Pindaan ini melibatkan peruntukan baharu dengan memasukkan seksyen 26A yang memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk melantik syarikat melalui pelesenan bagi menjalankan fungsi-fungsi Inspektor Timbang dan Sukat seperti yang ditetapkan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.
4. Syarikat yang dilesenkan (SDL) dibenarkan untuk menjalankan fungsi Inspektor Timbang dan Sukat bagi menyediakan perkhidmatan berkaitan pengujian, penentusahan, penandaan dengan cap, pengesahan atau perakuan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan. Sebelum ini, fungsi tersebut telah dilaksanakan oleh Pegawai Penguat Kuasa sejak 1 Januari 1981. Penswastaan ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan kecekapan perkhidmatan penentusahan kepada peniaga serta melindungi pengguna daripada penipuan timbangan atau sukatan dalam urusan perdagangan.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

5. Kerajaan juga boleh mengurangkan kos operasi semasa menjalankan penentusahan alat timbang dan sukat kepada peniaga. Pada masa yang sama, Kerajaan boleh mengenakan royalti lesen kepada syarikat yang dilesenkan dan untuk menjadi hasil kerajaan.
6. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah bersetuju supaya pihak-pihak lain yang berkelayakan, memenuhi syarat-syarat dan kompeten untuk dibenarkan melaksanakan fungsi berkaitan penentusahan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat bagi kegunaan untuk perdagangan di bawah Akta 71.
7. **LAMPIRAN C** ini mengandungi semua syarat-syarat kelayakan/perkhidmatan, prosedur dan tatacara kawal selia bagi pelaksanaan perkhidmatan penentusahan di bawah Akta 71.
8. Maklumat ringkas mengenai tawaran ini adalah seperti di bawah:

BIL.	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Tajuk	Perkhidmatan penentusahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71].
2.	Tempoh Kontrak	5 tahun, termasuk tempoh pelantikan bersyarat bagi tempoh 12 bulan.
3.	Bon Pelaksanaan	- Sepanjang tempoh pelesenan, SDL dikehendaki mengemukakan wang deposit (atau bon) berjumlah RM150,000.00. - Deposit ini boleh digunakan sekiranya SDL gagal menjelaskan bayaran penalti, dan hendaklah ditambah semula kepada jumlah asal sekiranya sebahagiannya telah digunakan, bagi memastikan nilai deposit kekal mencukupi pada setiap masa.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

4.	Royalti Lesen Tahunan	• Lima belas peratus (15%) daripada jumlah hasil kutipan fi penentusahan yang diperoleh dalam tempoh tahun tersebut, tidak termasuk Cukai Perkhidmatan (SST) sebanyak enam peratus (6%). • Bayaran royalti lesen tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan oleh KPDN, berdasarkan laporan kewangan yang disahkan oleh juruaudit bertauliah dan dikemukakan kepada KPDN bagi tujuan pengesahan.
5.	Lokasi Pusat Penentusahan	• Lokasi Pusat Penentusahan perlu disediakan di setiap negeri sepertimana ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dari semasa ke semasa. • Pemohon boleh mengemukakan tambahan lokasi cadangan untuk pertimbangan dan tertakluk kepada kelulusan KPDN.
6.	Syarat-syarat Pelesenan	• Lesen yang diberikan adalah tertakluk kepada semua syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh KPDN. • KPDN boleh menetapkan lain-lain syarat lesen pada bila-bila masa tanpa memerlukan persetujuan daripada mana-mana pihak dan wajib dipatuhi oleh SDL. • Kuasa penuh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk menggantung atau membatalkan lesen atas sebarang pelanggaran syarat yang ditetapkan di dalam lesen. • Kerajaan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang ganti rugi dan termasuk bagi apa-apa kerugian kewangan yang ditanggung atau sebarang implikasi perundangan yang timbul atau sebarang kes tuntutan di mana-mana Mahkamah dalam atau luar negara, berhubung dengan perkhidmatan yang dijalankan oleh mana-mana SDL.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

OBJEKTIF SPESIFIK

9. Objektif utama tawaran ini adalah:

- (i) Menjemput pihak-pihak yang berkelayakan, mempunyai kemampuan jangka masa panjang dari skop kewangan dan keupayaan teknikal, memenuhi syarat-syarat ditetapkan dan kompeten dalam bidang pengujian atau penentusahan apa-apa timbang, sukat, alat timbang atau sukat untuk mengemukakan permohonan kepada KPDN berkaitan pelaksanaan perkhidmatan penentusahan di bawah Akta 71; dan
- (ii) Pihak yang berjaya dilantik dan dilesenkan kelak akan diberi kuasa menjalankan fungsi Inspektor Timbang dan Sukat dalam skop penentusahan di bawah Akta 71 bagi pihak KPDN. Pelaksanaan semua skop perkhidmatan penentusahan hendaklah dengan mematuhi semua undang-undang, peraturan, syarat-syarat, garis panduan pengoperasian, prosedur dan standard prestasi perkhidmatan yang ditetapkan. Sebarang pelanggaran ketetapan tersebut akan boleh menyebabkan SDL dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah syarat lesen atau digantung atau dibatalkan lesen yang telah diberikan.

10. Ekspektasi KPDN ke atas setiap pemohon:

- (i) Mempunyai semua kelayakan terutamanya di peringkat kewangan dan teknikal sepertimana yang digariskan dalam **LAMPIRAN C** ini sebelum mengemukakan tawaran;
- (ii) Memahami sepenuhnya skop-skop perkhidmatan yang wajib dilaksanakan sebelum mengemukakan sebarang tawaran;
- (iii) Berupaya melaksanakan keseluruhan skop perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan oleh KPDN dengan menggunakan pelaburan

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

modal dan kos operasi sendiri, tanpa sebarang suntikan kewangan daripada Kerajaan;

- (iv) Memahami serta berkeupayaan untuk mematuhi semua peraturan, syarat dan obligasi yang ditetapkan di bawah Akta 71 dan syarat perkhidmatan, dengan mengambil kira penalti dan denda yang boleh dikenakan sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap mana-mana peraturan, syarat atau obligasi tersebut; dan
- (v) Memberikan kerjasama yang jitu kepada KPDN dan mematuhi serta melaksanakan semua arahan yang akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

JADUAL SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN DAN SPESIFIKASI KERJA

Komponen A: Skop Perkhidmatan Dan Kadar Fi Penentusahan

BIL	SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA	KENYATAAN PEMOHON (YA/TIDAK)
1.	Syarikat yang dilesenkan (SDL) wajib menyediakan semua skop perkhidmatan yang diwajibkan di bawah Akta 71, termasuk apa-apa skop perkhidmatan tambahan yang diarahkan KPDN pada bila-bila masa dengan menanggung keseluruhan kos terlibat. Skop perkhidmatan yang wajib disediakan adalah seperti berikut:- a) Menentusahkan dan menentusahkan semula timbang dan sukat serta alat timbang dan sukat yang digunakan bagi tujuan perdagangan dan bukan perdagangan, digunakan oleh Jabatan Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan, serta diwartakan di bawah Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981; b) Menentusahkan dan menentusahkan semula apa-apa timbang, sukat atau alat timbang dan sukat apabila mana-mana orang mengemukakan timbang, sukat atau alat timbang dan sukat itu bagi tujuan penentusahan dan penandaan cap; c) Memastikan timbang dan sukat serta alat timbang dan sukat yang ditentusahkan mematuhi peruntukan di bawah Perintah Bentuk atau Penentuan Bagi Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat 1981; d) Menentusahkan dan menentusahkan semula timbang dan sukat yang digunakan oleh Pemegang Lesen Timbang dan Sukat di bawah Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981; e) Mameriksa maklumat dalam Borang E yang dikemukakan oleh Pemegang Lesen Timbang dan Sukat atau mana-mana orang untuk tujuan penentusahan timbang dan sukat serta alat timbang dan sukat;	YA / TIDAK

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

BIL	SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA	KENYATAAN PEMOHON (YA/TIDAK)
	f) Mengeluarkan Sijil Perakuan Penentusahan (Borang D) pada waktu membuat penandaan cap ke atas tiap-tiap timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat; g) Memasang “<i>sealing wire</i>” ke atas tiap-tiap timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat, mengikut mana-mana yang berkenaan; h) Menandakan dan melekatkan cap penentuan (<i>sticker</i>) ke atas tiap-tiap timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat; i) Menyediakan Laporan Penentusahan (jika dipohon oleh pemilik alat timbang dan sukat); dan j) Menyelenggara rekod penentusahan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat.	
2.	Pihak KPDM pada bila-bila masa berhak dan tanpa memerlukan sebarang persetujuan daripada SDL, untuk mengeluarkan, mengecualikan atau menambah apa-apa kategori atau jenis peralatan lain yang dikehendaki menjalani penentusahan.	YA / TIDAK
3.	Melaksanakan penentusahan terhadap timbang, sukat dan alat timbang serta sukat di lokasi selain daripada alamat tetap pusat penentusahan, iaitu di stesen penandaan cap (<i>Stamping Point</i>) yang ditetapkan oleh Ketua Inspektor Timbang dan Sukat.	YA / TIDAK
4.	Fi yang dikutip akan menjadi sumber hasil SDL. Nilai kutipan fi bagi penentusahan timbang, sukat, atau alat timbang dan sukat hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan di Jadual 9, Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981.	YA / TIDAK
5.	SDL tidak dibenarkan sama sekali menawarkan sebarang perkhidmatan komersial, termasuk pembaikan, pengubahsuaian, penjualan alat ganti, atau sebarang transaksi berkaitan timbang, sukat, atau alat timbang dan sukat.	YA / TIDAK

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

BIL	SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA	KENYATAAN PEMOHON (YA/TIDAK)
6.	SDL hendaklah bebas dan terkecuali daripada sebarang aktiviti rekabentuk, pembuatan, pembekalan, pemasangan, pembelian, pemilikan, penyelenggaraan atau sebarang penglibatan lain ke atas alat timbang dan sukat yang diperiksa, bagi memastikan tiada konflik kepentingan dengan pihak lain.	YA / TIDAK

Komponen B: Syarat Tenaga Kerja

BIL	SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA	KENYATAAN PEMOHON (YA/TIDAK)
1.	SDL hendaklah, melalui pelantikan bertulis, melantik pekerja yang berkelayakan, berkemahiran, berkepakaran dan berpengetahuan mencukupi dalam bidang metrologi untuk menjalankan tugas sebagai Pegawai Penentusahan.	YA / TIDAK
2.	Pekerja yang dilantik hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.	YA / TIDAK
3.	Syarikat hendaklah melantik tenaga kerja dengan bilangan minimum seperti berikut bagi setiap pusat penentusahan: (a) 1 orang Pengurus; dan (b) 2 orang Pegawai Penentusahan.	YA / TIDAK
4.	Pekerja yang dilantik perlu menghadiri kursus kompetensi di Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan dalam bidang metrologi yang berkaitan.	YA / TIDAK
5.	Syarikat hendaklah pada setiap masa menyimpan rekod semua Pegawai Penentusahan yang dilantik dan mengemukakan sesalinan rekod tersebut kepada KPDN.	YA / TIDAK

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

Komponen C: Syarat Pusat Penentusahan, Kelengkapan Standard Kerja Dan Peralatan

BIL	SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA	KENYATAAN PEMOHON (YA/TIDAK)
1.	SDL hendaklah memastikan kesemua pusat penentusahan dibuka dan beroperasi untuk melaksanakan Perkhidmatannya sekurang-kurangnya bagi tempoh waktu operasi minimum sepertimana yang ditetapkan di LAMPIRAN 1 .	YA / TIDAK
2.	SDL boleh memohon pertambahan waktu operasi kepada KPDN tertakluk kepada justifikasi dan kelulusan yang akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa.	YA / TIDAK
3.	Jumlah keseluruhan pusat penentusahan hendaklah tidak kurang daripada 34 cawangan di seluruh Malaysia, sebagaimana yang dinyatakan dalam LAMPIRAN 2 .	YA / TIDAK
4.	Syarikat hendaklah mempunyai kelengkapan standard kerja dan peralatan dalam jumlah minimum seperti yang ditetapkan dalam LAMPIRAN 3 serta seragam di setiap pusat penentusahan.	YA / TIDAK
5.	Syarikat hendaklah mempunyai kelengkapan standard kerja dan peralatan yang mematuhi Perintah Bentuk atau Penentuan bagi Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat 1981.	YA / TIDAK
6.	Setiap kelengkapan standard kerja dan peralatan wajib ditentusahkan oleh Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan setiap 12 bulan.	YA / TIDAK

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

Komponen D: Mekanisme Pemantauan, Pengurusan Dan Pelaporan

BIL	SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA	KENYATAAN PEMOHON (YA/TIDAK)
1.	SDL hendaklah membangun, mengoperasi dan menyelenggara sistem-sistem pengoperasian, pemantauan dan pengurusan bagi perkhidmatan penentusahan termasuklah: a) pengurusan penentusahan timbang dan sukat serta alat timbang dan sukat; b) pengurusan aduan pelanggan; dan c) pengurusan penyelenggaraan standard kerja dan peralatan.	YA / TIDAK
2.	Semua mekanisma yang ditetapkan hendaklah beroperasi sepenuhnya sebelum pusat penentusahan mula beroperasi. Walau bagaimanapun, KPDN akan menyediakan sistem bagi membolehkan SDL mengemukakan maklumat untuk tujuan rekod dan pemantauan.	YA / TIDAK
3.	SDL hendaklah menyediakan laporan pengoperasian pusat penentusahan serta aktiviti penentusahan (secara berkala, harian, bulanan, dan tahunan), termasuk Laporan Kewangan/Hasil, mengikut format yang ditetapkan oleh KPDN.	YA / TIDAK
4.	SDL hendaklah menyimpan rekod perkhidmatan sepanjang tempoh lesen berkuat kuasa dan selama dua (2) tahun selepas tarikh tamat lesen. Syarikat dikehendaki mengemukakan rekod tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari selepas menerima notis daripada KPDN.	YA / TIDAK

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

Komponen E: Kawal Selia Perkhidmatan Dan Penalti

BIL	SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA	KENYATAAN PEMOHON (YA/TIDAK)
1.	SDL hendaklah mematuhi semua standard perkhidmatan dan prestasi yang ditetapkan oleh KPDN. Kegagalan mematuhi mana-mana standard tersebut akan dikenakan penalti sebagaimana dinyatakan di LAMPIRAN 4 .	YA / TIDAK
2.	Sebarang penalti yang dikenakan hendaklah dijelaskan oleh SDL dalam tempoh 14 hari. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan lesen digantung atau dibatalkan.	YA / TIDAK
3.	Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang akan ditanggung oleh SDL sekiranya lesen dibatalkan akibat kegagalan mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan.	YA / TIDAK
4.	Semua syarat utama yang mengawal penyediaan perkhidmatan, termasuk penalti dan obligasi SDL, akan ditetapkan, dikawal selia, dan dinyatakan di bawah syarat-syarat lesen. KPDN berhak menetapkan apa-apa syarat kawalan perkhidmatan tambahan atau penalti lain dari semasa ke semasa sepanjang tempoh lesen berkuat kuasa.	YA / TIDAK
5.	KPDN akan melaksanakan sesi naziran dan audit bagi menilai prestasi perkhidmatan, tahap pematuhan terhadap peraturan dan syarat lesen, keberkesanan sistem pengurusan, serta bagi tujuan auditan lain yang ditetapkan ke atas SDL.	YA / TIDAK

WAKTU OPERASI MINIMUM PUSAT PENENTUSAHAN

A. Waktu operasi minimum bagi negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah

No.	Hari Bekerja	Waktu Operasi
1.	Ahad - Rabu	Jam 0830 – 1730
2.	Khamis	Jam 0830 – 1600
3.	Waktu Rehat Tengahari bagi Ahad – Khamis	Jam 1300 – 1400

B. Waktu operasi minimum bagi negeri selain Kelantan, Terengganu Dan Kedah

No.	Hari Bekerja	Waktu Operasi
1.	Isnin - Jumaat	Jam 0830 – 1730
2.	Waktu Rehat Tengahari Isnin – Khamis	Jam 1300 – 1400
3.	Waktu Rehat Tengahari bagi hari Jumaat	Jam 1215 – 1445

SENARAI LOKASI PUSAT PENENTUSAHAN

BIL.	NEGERI	BILANGAN CAWANGAN
1.	PERLIS	1
2.	KEDAH	2
3.	PULAU PINANG	2
4.	PERAK	3
5.	SELANGOR	4
6.	KELANTAN	2
7.	TERENGGANU	2
8.	PAHANG	3
9.	W.P. KUALA LUMPUR	1
10.	NEGERI SEMBILAN	1
11.	MELAKA	1
12.	JOHOR	4
13.	SARAWAK	4
14.	SABAH	3
15.	W.P. LABUAN / PULAU LANGKAWI*	1
	JUMLAH	34

*Nota : Premis Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan dan Cawangan Langkawi akan dioperasikan masing-masing oleh syarikat yang ditentukan oleh Kerajaan.

SENARAI STANDARD KERJA DAN PERALATAN MINIMUM

BIL.	PERKARA	JULAT	BILANGAN SET
1.	Standard Kerja (F_1)	1 mg ke 20 kg	2 Set
2.	Standard Kerja (M_1)	1 mg ke 500 g	2 Set
3.	Standard Kerja (M_1)	1 kg ke 20 kg	2 Set
4.	Standard kerja (M_1)	300 kg (20 kg x 15 unit)	2 set
5.	Standard Kerja (Blok Weight)	20,000 kg (1,000 kg x 20 unit)	1 Set
6.	Roller Weight	250 kg X 40 unit	1 Set
7.	Stainless Steel Liquid	200 ml, 500 ml, 1 L, 2 L	2 Set
8.	Stainless Steel Liquid	5 L, 10 L, 20 L	2 Set
9.	Prover Tank	100 liter	2 set
10.	Glass Measuring Cylinder	10 ml, 25 ml, 50 ml, 100 ml, 250 ml, 500 ml, 1,000ml, 2,000 ml	2 Set
11.	Length Comparator	1 m	2 Set
12.	Alat-alat Timbang	600 g: 1mg 6,000 g: 10 mg 30 kg: 100 g 300 kg: 2 g	1 Set
13.	Jam Randik	Julat bacaan: 9 jam 59 minit. Resolusi bacaan: 0.001 saat	4 Set
14.	Tripod Stand & Holder		2 Set
15.	Platform water level		2 Set
16.	Stencil Penentusahan		3 Set
17.	Seal Playar		Mengikut jumlah staff
18.	Lorry Crane	Crane Safety Working Load: 2 – 3 tonne (t)	1 unit
19.	Sistem Penentukuran Hidraulik	20,000 kg: 20 kg	1 unit

STANDARD PERKHIDMATAN DAN PRESTASI SERTA
KADAR BAYARAN PENALTI

LAMPIRAN 4 hendaklah dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu:

- (a) Bahagian A: Standard Perkhidmatan dan Prestasi; dan
- (b) Bahagian B: Kadar Bayaran Penalti

BAHAGIAN A: STANDARD PERKHIDMATAN DAN PRESTASI

I. STANDARD PERKHIDMATAN

Syarikat hendaklah memastikan bahawa standard, kualiti, kuantiti dan tahap profesionalisme sentiasa berada sekurang-kurangnya pada tahap yang ditetapkan dalam Lampiran 4 ini.

1. STANDARD PERKHIDMATAN

- (a) Syarikat hendaklah menyediakan Perkhidmatan selaras dengan prosedur dan standard yang ditetapkan di bawah –
 - (i) Akta Timbang dan Sukat 1972 [*Akta 71*];
 - (ii) Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981 [*P.U. (A) 292/1981*];
 - (iii) Perintah Bentuk atau Penentuan bagi Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat 1981 [*P.U. (A) 187*].
- (b) Syarikat hendaklah pada setiap masa menjalankan Perkhidmatan dengan cekap dan dipercayai dan hendaklah patuh kepada mana-

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

mana arahan dan arahan berkala yang dikeluarkan oleh Ketua Inspektor.

2. PERAKUAN PENETUSAHAN

- (a) Perakuan Penentusahan yang dikeluarkan oleh Syarikat hendaklah dikeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981 [*P.U. (A) 292/1981*].
- (b) Syarikat hendaklah mengeluarkan Perakuan Penentusahan dalam tempoh 24 jam setelah menentusahkan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat.

3. PUSAT PENENTUSAHAN

- (a) Syarikat hendaklah mengekalkan dan mengurus pusat penentusahan.
- (b) Syarikat hendaklah pada setiap masa memastikan pusat penentusahan diselenggara dengan baik dan berfungsi dan berada dalam keadaan yang teratur.

4. PERALATAN

- (a) Syarikat hendaklah memiliki standard kerja dan peralatan dalam jumlah minimum seperti yang ditetapkan dalam **LAMPIRAN 3** dan pada setiap masa mengekalkan standard kerja dan peralatan dalam keadaan yang baik.
- (b) Syarikat hendaklah memastikan bahawa setiap standard kerja dan peralatan yang digunakan untuk melaksanakan Perkhidmatan telah ditentusahkan sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.
- (c) Ketua Inspektor hendaklah sekiranya difikirkan perlu, mengeluarkan notis mengarahkan Syarikat untuk menaiktaraf standard kerja dan

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

peralatan. Syarikat hendaklah menaiktaraf standard kerja dan peralatan dalam tempoh yang dinyatakan di dalam notis tersebut dengan kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung Syarikat.

- (d) Walau apapun yang dinyatakan di atas, Syarikat boleh dengan kebenaran Ketua Inspektor menaiktaraf standard kerja dan peralatan dengan kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung Syarikat.

5. REKOD

- (a) Syarikat hendaklah menyimpan rekod Perkhidmatan sepanjang tempoh lesen berkuat kuasa dan selama dua (2) tahun selepas tarikh tamat lesen. Syarikat dikehendaki mengemukakan rekod tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari selepas menerima notis daripada KPDN.
- (b) Ketua Inspektor boleh memberi arahan yang menetapkan –
 - (i) rekod berkaitan penyelenggaraan kesemua standard kerja dan peralatan yang perlu disimpan; dan
 - (ii) tempoh masa bagi suatu rekod hendaklah disimpan dan dijaga selaras dengan arahan di bawah klausa ini.
- (c) Syarikat hendaklah menyimpan rekod tersebut selaras dengan mana-mana aturan di bawah sub-klausa ini.

6. LIPUTAN DAN STESEN PENANDAAN CAP (*STAMPING POINT*)

- (a) Syarikat hendaklah menyediakan Perkhidmatannya secara berterusan di seluruh negara.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

- (b) Syarikat boleh dari semasa ke semasa menyenaraikan senarai lokasi-lokasi stesen penandaan cap (*Stamping Point*) yang akan dibuka oleh Syarikat untuk diluluskan oleh Ketua Inspektor.
- (c) Syarikat hendaklah mengemukakan jadual lawatan tiga puluh (30) hari sebelum lawatan ke stesen penandaan cap kepada Ketua Inspektor. Sebarang perubahan kepada jadual lawatan hendaklah diserahkan kepada Ketua Inspektor selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh jadual lawatan.
- (d) Syarikat hendaklah memastikan Pegawai Penentusahan melaksanakan lawatan ke stesen penandaan cap mengikut jadual lawatan yang telah ditetapkan.
- (e) Ketua Inspektor boleh, melalui pemberitahuan bertulis, mengarahkan Syarikat untuk melaksanakan lawatan ke mana-mana stesen penandaan cap atau mendirikan stesen penandaan cap baharu sekiranya difikirkan perlu bagi tujuan pelaksanaan Perkhidmatan.
- (f) Syarikat hendaklah memaklumkan kepada pelanggan yang mungkin terjejas sekiranya berlaku sebarang keadaan yang menyebabkan gangguan, kelewatan, penangguhan, atau pengurangan perkhidmatan. Syarikat juga hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi memulihkan serta mengekalkan Perkhidmatan seperti sediakala.
- (g) Sekiranya gangguan, kelewatan, penangguhan atau pengurangan perkhidmatan berterusan, atau dijangka berterusan melebihi tempoh 24 jam, Syarikat hendaklah dengan serta-merta memaklumkan perkara tersebut kepada Ketua Inspektor, dengan memperincikan punca kejadian serta tindakan yang telah diambil bagi memulihkan Perkhidmatan.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

- (h) Syarikat hendaklah, pada setiap kali berlakunya keadaan sebagaimana dinyatakan di perenggan (g), melaksanakan segala prosedur yang telah ditetapkan oleh Ketua Inspektor bagi memastikan Perkhidmatan dapat dipulihkan dengan segera.

7. WAKTU OPERASI

- (a) Syarikat hendaklah memastikan kesemua pusat penentusahan dibuka dan beroperasi untuk melaksanakan Perkhidmatannya sekurang-kurangnya bagi tempoh waktu operasi minimum sepertimana yang ditetapkan di **LAMPIRAN 1**.
- (b) Ketua Inspektor boleh dari semasa ke semasa mengarahkan Syarikat untuk mengubah waktu operasi pusat penentusahan setelah berunding dengan Syarikat bagi tujuan kepentingan awam.
- (c) Sekiranya Syarikat berhasrat untuk mengurangkan waktu operasi atau menutup pusat penentusahan tersebut, Syarikat hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Inspektor dan apabila dibenarkan, Syarikat hendaklah memaklumkan kepada orang awam.

8. INSTRUMEN

- (a) Jumlah minimum bagi timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang perlu ditentusahan oleh Syarikat adalah sebanyak satu ratus ribu (100,000) unit bagi setiap tahun.
- (b) Jumlah minimum bagi timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang ditentusahan oleh Syarikat dalam setahun boleh berubah kepada satu jumlah yang dicadangkan oleh Kerajaan dan dibenarkan oleh Ketua Inspektor.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

9. MANUAL OPERASI

- (a) Syarikat hendaklah mendapatkan Manual Operasi daripada Kerajaan sebelum Lesen dikeluarkan.
- (b) Syarikat hendaklah memastikan semua pekerjaanya memeriksa dan menentusahkan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat selaras dengan peruntukan dalam Manual Operasi yang diluluskan oleh Ketua Inspektor.
- (c) Syarikat hendaklah membuat apa-apa pindaan ke atas Manual Operasi sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Inspektor dari semasa ke semasa.
- (d) Syarikat hendaklah memastikan Manual Operasi yang telah diluluskan oleh Ketua Inspektor dipamerkan di tempat terbuka di setiap Pusat.
- (e) Syarikat boleh meminda Manual Operasi dari semasa ke semasa tertakluk kepada kebenaran bertulis Ketua Inspektor.

10. REPRESENTASI DAN ADUAN OLEH PELANGGAN DAN KERAJAAN

- (a) Syarikat hendaklah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa aduan yang diterima berkaitan dengan pengurusan, operasi dan penyelenggaraan tempat dan Perkhidmatan yang disediakan oleh Syarikat di pejabat penentusahan dan juga stesen penanda cap.
- (b) Syarikat hendaklah memberikan maklum balas terhadap aduan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aduan diterima.
- (c) Syarikat hendaklah mengemukakan kepada Ketua Inspektor setiap suku tahun aduan-aduan dan tindakan yang telah diambil oleh

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

Syarikat berkenaan dengan representasi atau aduan yang dibuat kepada Syarikat di bawah perenggan ini.

II. Ketidakpatuhan terhadap Standard Perkhidmatan dan Prestasi

Sekiranya Syarikat tidak mematuhi Standard Perkhidmatan dan Prestasi seperti yang ditentukan dalam Bahagian A, Syarikat hendaklah membayar penalti kepada Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian B.

BAHAGIAN B: KADAR BAYARAN PENALTI

NO	STANDARD PERKHIDMATAN DAN PRESTASI	TAHAP KETIDAKPATUHAN	KADAR BAYARAN PENALTI
1.	Syarikat hendaklah menyediakan perkhidmatan selaras dengan prosedur dan standard yang ditetapkan oleh: (a) Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71]; (b) Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981 [P.U. (A) 292/1981]; (c) Perintah Bentuk atau Penentuan bagi Timbang atau Sukat atau Alat Timbang	(a) untuk pelanggaran kali pertama, tidak ada penalti dikenakan dan Syarikat perlu menyelesaikan pelanggaran tersebut tanpa kos kepada Pelanggan atau kerajaan; dan (b) untuk sebarang pelanggaran selepas itu yang dilakukan oleh pejabat penentusahan yang sama dan pada Tahun Perkhidmatan	Dua puluh (20) kali bayaran Fi Penentusahan yang ditetapkan atau RM 7,000.00, mana-mana yang lebih rendah.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

NO	STANDARD PERKHIDMATAN DAN PRESTASI	TAHAP KETIDAKPATUHAN	KADAR BAYARAN PENALTI
	atau Sukat 1981 [P.U. (A) 187]. Seperti yang dikehendaki dalam Perenggan 1 Bahagian A.	yang sama, Syarikat perlu membayar penalti.	
2.	Syarikat hendaklah mengeluarkan Perakuan Penentusahan dalam tempoh 24 jam setelah menentusahkan timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat. Seperti yang dikehendaki dalam perenggan 2 Bahagian A.	(a) untuk tiga (3) pelanggaran pertama, tiada penalti dikenakan dan Syarikat perlu menyelesaikan pelanggaran tersebut tanpa sebarang kos kepada Pelanggan atau kerajaan; dan (b) untuk sebarang pelanggaran selepas itu yang dilakukan oleh pejabat penentusahan yang sama dan pada tahun Perkhidmatan yang sama, Syarikat perlu membayar penalti.	RM 2,000.00 untuk setiap Perakuan Penentusahan yang tidak dikeluarkan.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

NO	STANDARD PERKHIDMATAN DAN PRESTASI	TAHAP KETIDAKPATUHAN	KADAR BAYARAN PENALTI
3.	Syarikat hendaklah pada setiap masa memastikan pejabat penentusahan berfungsi dan beroperasi. Seperti yang dikehendaki dalam perenggan 3 Bahagian A.	(a) Syarikat perlu meremedikan pelanggaran dalam tempoh satu (1) bulan setelah menerima notis daripada Kerajaan. (b) Sekiranya Syarikat gagal menyelesaikan pelanggaran tersebut dalam tempoh satu (1) bulan, Syarikat perlu membayar penalti.	RM2,000.00
4.	Syarikat hendaklah dalam setiap masa memiliki standard kerja dan peralatan dalam jumlah minimum sebagaimana yang ditetapkan dalam LAMPIRAN 3 dan disenggara dengan baik. Seperti yang dikehendaki dalam perenggan 4 Bahagian A.	Untuk setiap pelanggaran, Syarikat perlu membayar penalti.	RM 2,000.00 bagi setiap standard kerja atau peralatan.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

NO	STANDARD PERKHIDMATAN DAN PRESTASI	TAHAP KETIDAKPATUHAN	KADAR BAYARAN PENALTI
5.	Syarikat hendaklah menyimpan rekod Perkhidmatan sepanjang tempoh lesen berkuat kuasa dan selama dua (2) tahun selepas tarikh tamat lesen. Syarikat dikehendaki mengemukakan rekod tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari selepas menerima notis daripada KPDN. Seperti yang dikehendaki dalam perenggan 5 Bahagian A.	Sekiranya Syarikat gagal mengemukakan rekod dalam masa yang ditetapkan dalam notis, Syarikat perlu membayar penalti.	RM 2,000 bagi setiap kegagalan.
6.	Syarikat hendaklah memastikan Pegawai Penentusahan melaksanakan lawatan ke stesen penandaan cap mengikut jadual lawatan yang telah ditetapkan. Seperti yang dikehendaki dalam perenggan 6 Bahagian A.	Untuk setiap kegagalan membuat lawatan, Syarikat perlu membayar penalti.	RM 3,000.00 bagi setiap kegagalan.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

NO	STANDARD PERKHIDMATAN DAN PRESTASI	TAHAP KETIDAKPATUHAN	KADAR BAYARAN PENALTI
7.	Syarikat hendaklah memastikan semua pejabat penentusahan dibuka dan beroperasi untuk melaksanakan Perkhidmatannya sekurang-kurangnya bagi tempoh waktu operasi minimum sebagaimana yang ditetapkan di LAMPIRAN 1. Seperti yang dikehendaki dalam perenggan 7 Bahagian A.	Untuk setiap pelanggaran, Syarikat perlu membayar penalti.	RM 1,000.00 sehari.
8.	Syarikat perlu menentusahkan atau menentusahkan semula timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat sekurang-kurangnya sebanyak satu ratus ribu (100,000) unit bagi setiap tahun. Seperti yang dikehendaki dalam perenggan 8 Bahagian A.	(a) Tiada penalti dikenakan untuk pelanggaran yang dilakukan dalam tahun pertama perjanjian. (b) Untuk sebarang pelanggaran pada tahun berikutnya, Syarikat perlu membayar penalti.	RM 100.00 bagi setiap alat yang kurang.

LAMPIRAN C: SKOP PERKHIDMATAN / SPESIFIKASI KERJA

NO	STANDARD PERKHIDMATAN DAN PRESTASI	TAHAP KETIDAKPATUHAN	KADAR BAYARAN PENALTI
9.	Syarikat hendaklah menyediakan saluran aduan mengenai pengurusan, operasi dan penyelenggaraan tempat dan Perkhidmatan Syarikat di Pusat. Syarikat hendaklah memberikan maklumbalas terhadap aduan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aduan diterima. Salinan maklum balas aduan hendaklah diberikan kepada Ketua Inspektor. Seperti yang dikehendaki dalam perenggan 10 Bahagian A.	Tiada penalti dikenakan untuk tiga (3) kali kegagalan Syarikat memberikan maklumbalas terhadap aduan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aduan diterima bagi setiap Pusat.	RM 100.00 bagi setiap kegagalan memberikan maklumbalas terhadap aduan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aduan diterima.